

## **KILANG BESI AWAL ABAD KE-18 DI KEDAH (SUATU TINJAUAN KE BEKAS TAPAK DI KG NAWA, TUALANG, KEDAH)**

**<sup>1</sup>Ibrahim Bakar Langkawi**

**<sup>2</sup>Mohd Kasri Saidon**

[kasri@uum.edu.my](mailto:kasri@uum.edu.my)

<sup>1</sup>Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah

<sup>2</sup>Universiti Utara Malaysia

---

**ABSTRAK:** Kertas kerja ini memaparkan tentang sebahagian aktiviti yang dilakukan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK). Besi sememangnya telah lama menjadi industri tempatan masyarakat Kedah. Begitupun ia tenggelam dalam lipatan sejarah apabila kerja melebur dan menempa besi ini ditinggalkan. Penemuan kilang peralatan besi yang ada di Nawa, Kedah adalah sebahagian dari bukti kerja sebegini pernah dilakukan dan tercatat dalam sejarah negeri Kedah. Tinjauan ini adalah asas kepada kajian lebih lanjut tentang sejarah industri ini di Kedah serta catatan yang berkait dengannya. Kajian lanjut nanti dilihat bakal mengukuhkan lagi kajian tentang Kedah sebagai negeri terawal membina tamaddun yang tersendiri di Malaysia yang juga berkemungkinan di Asia Tenggara ini.

**KATA KUNCI:** Besi, Kedah, kilang, Nawa, Asia Tenggara

---

### **PENDAHULUAN**

Masyarakat manusia di dunia telah lama melalui Zaman Logam, bilamana mereka telah mengetahui rahsia cara-cara melebur besi dan logam-logam lain bagi membuat alat-alat untuk kegunaan dalam kehidupan mereka. Masyarakat di negeri Kedah juga dipercayai telah lama memiliki kepandaian berkaitan dengan peleburan besi. Tidak diketahui dengan pasti bilakah masyarakat Kedah mula memasuki ‘zaman besi’. Berkaitan itu, penemuan bukti yang dipercayai adalah pusat kegiatan peleburan besi di Sungai Batu, dalam kawasan Lembah Bujang, Kedah, membuktikan masyarakat Kedah telah mahir melebur besi, hingga dapat menjadi suatu komoditi penting untuk diekspot keluar ke seluruh dunia, semenjak **abad pertama Masihi**.

Besi amat penting dalam kehidupan harian manusia. Oleh itu logam ini terus digunakan sepanjang masa, melalui zaman yang panjang, hingga pada zaman sekarang juga. Terdapat bukti penting di Kedah, yang menunjukkan telah didirikan suatu kilang besi yang besar dalam awal abad ke-18. Hasil usaha kilang tersebut juga telah merupakan suatu bahan ekspot penting Kedah dalam zamannya.

Dalam ‘At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah’, terdapat suatu maklumat penting yang menunjukkan penubuhan kilang besi yang dimaksudkan itu. Kenyataannya berbunyi:

*‘Sebermula, datang seorang Cina daripada bangsa Hokien, namanya Lim Chok, masuk ke Kedah mengadap tapak cerpu Duli Baginda Yang Dipertuan Yang Maha Mulia<sup>1</sup>, pohon hendak permasak besi di dalam mukim*

---

<sup>1</sup> Dr Haji Ibrahim Bakar Langkawi adalah Pengurus Biro Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah

<sup>1</sup> Dr Haji Mohd Kasri Saidon adalah Pensyarah Kanan Pusat Pengajaran Pendidikan dan Bahasa Modem Universiti Utara Malaysia

*Lesung, daerah Nawa<sup>2</sup>, hendak perbuat **kawah dan kuali**. Maka Duli Baginda pun benar seperti permintaan. Maka Lim Chok pun perbuatlah pekerjaan itu. Banyak kuli2nya perbuat kerja. Pada ketika itu banyaklah kawah2 dan kuali2 yang telah dituangkan, dibawa keluar, dijual di dalam Negeri Kedah dan lain2 negeri.*

*Demikianlah pekerjaan Lim Chok itu'.<sup>3</sup>*

Bagi tujuan meneliti kesahihan maklumat dalam kitab tersebut, suatu tinjauan telah dilakukan ke bekas tapak kilang yang dimaksudkan. Beberapa perkara diharapkan dapat timbul hasil daripada tinjauan ini. Selain daripada kita dapat membuktikan ketepatan maklumat yang telah dinyatakan oleh pengarang At-Tarikh Salasilah, juga diharap kita dapat menemukan apa-apa objek bersejarah di tempat yang diceritakan, yang dapat digunakan kemudian hari untuk kemajuan persejarahan negeri ini.

#### **TINJAUAN:**

**Tinjauan Pertama** telah dilakukan pada hari Jumaat, 11 Julai 2009, disertai oleh beberapa Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli PSMCK. En. Ali @Ramli bin Adam, (no k/p: 371029-02-5547), penduduk tempatan, bertindak selaku penunjuk arah dan responden utama.

Perjalanan dimulai dari Alor Setar, melalui Jalan Langgar ke arah Pokok Sena, mulai kira-kira pukul 8.45 pagi. Setelah kira-kira 20 Km perjalanan, tiba di **Kampung Jabi** (Kampung Jambi). Di sini terdapat simpang ke arah selatanmenuju ke **Kampung Tualang**. Kira-kira 1 Km ditemui suatu simpang ke **Kampung Minangkabau**, yang letaknya tidak jauh pula dari **Kampung Petani**. Perjalanan diteruskan ke Kampung Kepala Bukit, di mana terdapat suatu simpang ke Kampung Nawa dan di sini bertemu dengan penduduk tempatan yang akan membantu.

**Tinjauan Kedua** dilakukan pada hari Jumaat 31 Julai 2009. Responden utamakali ini ialah En. Wong Kok Heng (Ah Kow), umur 53, lahir 1956, pemilik ladang getah, tapak kajian, En. Tan Eng Chai, saudara sepupu sebelah ibu Wong Kok Heng dan En. Ali @ Ramli bin Adam, penduduk tempatan.

#### **KEADAAN KAMPUNG NAWA:**

**Kampung Nawa** adalah sebuah kampung tradisional Melayu yang nampaknyamemang tua. Penunjuk arah (Hj Ali Adam) menunjukkan tempat yang dikatakan asal atau pusat Kampung Nawa ini. Di sini terdapat beberapa buah rumah orang Melayu. Mereka ini berbahasa ibunda Bahasa Siam.

Menurut keterangan En Morat bin Daud, yang mendengar cerita lisan dari penduduk tempatan, nama kampung ini berasal dari perkataan '**Na Wo**', iaitu nama sebuah kapal lama. Menurut cerita yang dikemukakan oleh En. Tan Eng Chai pula, nama Nawa berasal dari campuran perkataan Siam, 'Na' bererti bendang/sawah dan 'wa' bererti pohon keriang. Maka, 'Nawa' bermaksud 'bendang keriang'.

Di sini terdapat suatu pohon yang kelihatan sangat tua, dinamakan **pokok 'Kerkau'** (orang tempatan menyebut dengan pelat Siam sebagai 'Kako') ataupun disebut juga '**Sengkuang**'. Pokok ini berbatang besar dan banir akarnya juga besar. Kalau dibuat suatu garis keliling akar banir pokok ini, garis pusatnya kira-kira 20 kaki. Pokok ini ditumpangi oleh suatu pokok Akar Larak tua, batang/akarnya sebesar 1 kaki garispusatnya. Menurut keterangan penduduk tempatan, berdekatan pokok besar inilah dahulu pernah terdapat **tapakbengkel besi lama**, atau tapak suatu bangunan lama yang berkaitan dengan pemprosesan besi di kampung ini. Namun, pada masa sekarang sudah tidak ada apa-apa kesan yang menunjukkan terdapat bangunan lama di sini. Penduduk tempatan percaya di kawasan ini terdapat pusat pemprosesan besi kerana terdapat banyak bertaburan **bijih besi** dan '**tahi besi**' di sekitar tempat ini. Ada yang kecil sebesar penumbuk dan ada yang besar hingga puluhan Kilogram beratnya.

<sup>2</sup>Maksudnya, di Kampung Nawa, dalam mukim Lesung, daerah Pokok Sena.

<sup>13</sup>Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arsyad, 1928. At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Edisi cetakan Jawi, terbitan Jelutung Press, Pulau Pinang, halaman 115-116.

Berdekatkan itu juga terdapat suatu rumpun Buluh Minyak tua, tetapi keadaan sekelilingnya kelihatan terpelihara. Di tepinya terdapat suatu lorong yang memisahkan kawasan pusat kampung ini dengan suatu **ladang getah** milik seorang Cina, bernama **Wong Kok Heng**.

## TAPAK TINJAUAN UTAMA

### 1. 'Tahi besi' dan arang batu.

Ladang getah milik Wong Kok Heng ini besarnya kira-kira 2 relung. Di dalam ladang ini masih banyak di temui berselerak **bijih besi** dan **tahi besi**, kelihatan seperti ketulan-ketulan batu. Ada pula ditemui **ketulan arang batu**, yang dipercayai pernah digunakan untuk memasak/meleburkan bijih besi.

Sebenarnya ladang getah ini juga berperenggan dengan sawah padi di sebelah timurnya. Namun, tanaman padi di tepi perenggan ladang ini tidak pernah subur, dengan kluasan kira-kira bukaan setengah relung. Tidak ada jawapan yang tepat mengapa padi tidak tumbuh di tempat ini. Tetapi penduduk tempatan membuat andaian bahawa di bawahnya terdapat suatu batu hampar yang besar, yang dipercayai sebagai suatu **longgokan besi semulajadi** yang banyak.

Namun, menurut keterangan En Tan Eng Chai, di sini sudah tidak ada lagi deposit besi kerana sebuah syarikat swasta pernah datang ke sini dalam tahun 1980-an untuk membuat kajian. Mereka telah mengorek 9 lubang di sekitar kampung ini dengan membayar RM 500.00 kepada penduduk kampung bagi setiap lubang yang digali. Namun, tiada deposit besi yang banyak ditemui.

### 2. Jirat Cina:

Di kawasan sebelah belakang ladang ini terdapat beberapa **jirat lama** (kubur milik orang Cina). Jumlahnya kira-kira 15 buah. Ada yang bertanda dan ada beberapa yang sudah hilang nisannya. Kubur yang paling tua dikatakan milik orang yang digelar sebagai '**Tukang Panjang**'. Pada batu tandanya bertulis perkataan 'abad ke-16' dalam karektor Cina. Banyak perkataan yang tertulis tidak difahami oleh Wong Kok Heng. Dipercayai inilah kubur milik **Lim Chok**, pengusaha asal kilang kawah besi di sini. En. Tan Eng Chai juga memberi keterangan bahawa kubur ini adalah milik 'Tukang Panjang'. Dikatakan demikian kerana orangnya tinggi.

Di sebelah belakang ladang ini terdapat suatu lorong untuk orang tempatan keluar ke sawah padi. Di sebelah selatan lorong ini terdapat suatu tanah dusun kecil milik orang Melayu, manakala dusun ini berperenggan dengan sawah padi pula di selatannya. Di dalam dusun ini juga terdapat beberapa pekuburan orang Cina. Kira-kira jumlahnya lima buah. Dua daripadanya adalah milik abang dan kakak Wong Kok Heng.

Satu lagi adalah milik Lai Ah Lan, iaitu nenek Tan Eng Chai sebelah ibu. Ibu Tan Eng Chai bernama **Lim Kim Aik**, manakala datuknya, iaitu suami Lai Ah Lan, bernama **Lim Seng Yong**. Namun, Tan Eng Chai menafikan ibu dan datuknya yang bermarga 'Lim' mempunyai kaitan dengan Lim Chok, atau 'Tukang Panjang'. Alasannya, seumur hidupnya beliau tidak pernah tahu tentang keluarga 'Tukang Panjang' datang melawat kubur dan membersihkannya pada hari upacara tahunan 'Cheng Beng'. Tetapi, apabila disoal dari mana ia mengetahui bahawa kubur tersebut adalah milik 'Tukang Panjang', dijawab 'dari datuknya, iaitu Tan Ah Moi, pemilik asal tanah itu'. Dan bila ditanya pula dari mana datuknya dapat memastikan keterangannya, beliau berpendapat mungkin dari orang kampung. Katanya, 'sejak kecil orang kampung mengatakan bahawa kubur itu ialah milik Tukang Panjang'. Pada pandangan Tan Eng Chai, Lim Chok tidak mempunyai keturunan. Datuknya, iaitu Tan Ah Moi, adalah pendatang kemudian yang datang memugar tanah ini kemudian hari.

### Kuburan Islam:

Di sebelah barat, masih dalam dusun ini, terdapat **kuburan lama orang Islam**, menurut keterangan Haji Ali dan beberapa penduduk lain. Tanah ini kini sudah tidak berfungsi sebagai tanah perkuburan aktif lagi. Tidak dapat dipastikan sama ada orang Islam yang dikuburkan di sini mempunyai kaitan kekeluargaan dengan keluarga Cina pengusaha kilang kawah zaman lampau. Memang ada di kalangan keluarga ini yang memeluk agama Islam. Antaranya ialah adik kepada **Tok Nim**, isteri pertama Tan Ah Moi. Adik Tok Nim tersebut

bernama Hussin, iaitu ayah kepada Tok Tim/Kho Tim, seorang dalang wayang kulit yang terkenal di Kampung Nawa dan kawasan sekitarnya.

**Telaga tua:**

Di pinggir ladang, berdekatan lorong ke sawah, di kelilingi pohon rumbia, terdapat sebuah telaga tua. Orang kampung menggelarnya 'Telaga Buyung Mas' kerana dalam telaga itu pernah ditemui sebuah buyung emas. Namun, tidak diketahui di mana barang bersejarah tersebut. Menurut cerita Wong Kok Heng, yang ditemui dalam telaga itu ialah 'belanga emas'.

**Sungai Nawa:**

Hanya beberapa meter dari ladang ini terdapat suatu sungai yang sederhana besarnya. Inilah **Sungai Nawa**, yang membawa air dari kawasan ini masuk bermuara ke Sungai Padang Kerbau, seterusnya akan bertemu pula dengan Sungai Pendang, membentuk sungai yang lebih besar menuju ke Alor Setar.

**Kubang besar:**

Berdekatkan jalan masuk ke kampung ini juga terdapat sebuah **telaga lama** yang besar/kubang, tetapi kini sudah terkambus, meninggalkan suatu kubang yang besar. Menurut keterangan penduduk tempatan inilah telaga yang pernah digunakan oleh perusahaan kawah besi di sini.

**Deposit arang batu:**


Berikutnya, penunjuk arah membawa rombongan ke suatu bukit kuari tanah di Kampung Kelud, kira-kira jaraknya 1 Km dari Kampung Nawa, masih dalam mukim Tualang juga. Tanah kuari yang luas ini milik Mohd Zain, yang dikatakan mempunyai kaitan dengan keluarga pembesar lama. Rupa-rupanya di sini terdapat suatu **longgokan semulajadi arang batu** yang banyak. Kira-kira 2 meter di bawah permukaan tanah terdapat lapisan arang batu, yang jumlahnya dianggarkan puluhan ribu tan. Penduduk tempatan pernah mendengar cerita lisan bahawa arang batu dari bukit inilah yang diangkut untuk digunakan sebagai bahan bakar di kilang kawah Lim Chok.

**Pemilik ladang getah:**

Pemilik ladang getah sekarang di mana terdapat kubur '**Tukang Panjang**' atau **Lim Chok** ialah Wong Kok Heng, dipanggil juga Ah Kow. Wong Kok Heng sendiri tidak mengetahui sama ada ia adalah keturunan 'Tukang Panjang'. Beliau sendiri adalah dari marga Wong.

Wong Kok Heng memperoleh tanah ini melalui ibunya, bernama Tan Ah Bin (dikenali ramai di kampung ini sebagai Tok Bin). Manakala Tan Ah Bin pula memperoleh hak melalui ibunya bernama Tok Nim, keturunan Siam, iaitu isteri pertama Tan Ah Moi (lahir penghujung abad ke-19).

**Salasilah:**



### PERBINCANGAN:

Pada mula kita membaca At-Tarikh Salasilah, agak menghairankan juga mengapa tempat yang begitu jauh di pedalaman Kedah dipilih oleh Lim Chok untuk membuka sebuah kilang perusahaan **memasak besi** untuk dijadikan kawah dan kuali. Tidakkah kedudukan yang jauh ini begitu sukar ditempuhi pada zamannya?

Namun, apabila kita memasuki tempat ini, banyak persoalan telah terjawab. Sebenarnya, terdapat TIGA komponen mengapa Kampung Nawa dipilih oleh Lim Chok. **Pertama**, kerana di sini terdapat longgokan **besi** semula jadi yang banyak. Dengan jumlah yang banyak barulah boleh terjamin stok bahan baku, iaitu besi yang hendak digunakan. **Kedua**, kerana berdekatan kawasan ini juga terdapat suatu longgokan semula jadi **arang batu** yang banyak. Ini pun suatu bahan yang penting untuk perusahaan ini. Tanpa arang batu, amat sukar perusahaan besi ini dapat dijalankan, kerana kayu api sebagai alternatif memerlukan jumlah berkali ganda lebih banyak. **Ketiga**, kerana berdekatan tempat ini juga terdapat sebuah **sungai** yang sederhana besar. Sungai seperti ini boleh dimasuki oleh tongkangpengangkut barang. Kalau tidak dengan adanya sungai ini, pengangkutan menggunakan gajah atau kerbau memerlukan belanja yang lebih besar. Kawah dan barang lain seperti peluru meriam, mudah dibawa keluar dari kampung ini melalui sungai ini. Dari sini, melalui perjalanan sungai, kira-kira jauhnya 2 Km seseorang akan bertemu dengan Sungai Padang Kerbau. Dari persimpangan ini, perjalanan diteruskan kira-kira 4 Km untuk sampai di Titi Haji Idris. Di sini, Sungai Padang Kerbau bertemu dengan Sungai Pendang, membentuk aliran sungai yang lebih besar. Seterusnya, sebarang hasil dari kampung, termasuk hasil perusahaan besi ini, sampai ke tempat wakil Sultan di Kota Setar, supaya dapat ditaksirkan cukainya. Pada masa itu, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I (1706-1710) sedang bersemayam di Kota Bukit Pinang.

Dengan adanya tiga komponen tersebut maka Lim Chok telah berjaya mengembangkan perusahaannya. Namun, Lim Chok tentulah asalnya tidak mengetahui bahawa terdapat sumber-sumber tersebut di pedalaman Kedah. Lim Chok adalah pendatang dari negeri Hokkien, tanah besar Tongsan. Oleh yang demikian, kalau tidak dengan pertunjuk oleh orang tempatan Kedah, tidak mungkin Lim Chok mengetahui sendiri sumber-sumber itu. Maksudnya, orang Melayu pedalaman Kedah telah lama mengenali sumber bijih besi dan arang batu di tempat mereka. Namun mereka belum mempunyai kemahiran memprosesnya pada ketika itu.

Kehadiran Lim Chok di Kampung Nawa telah dapat dibuktikan dalam tinjauan ini, melalui kewujudan kuburnya, yang dikenali oleh penduduk tempatan sebagai ‘Tukang Panjang’. Ini sekali gus membuktikan ketepatan keterangan yang diberikan oleh pengarang At-Tarikh Salasilah.

Berkaitan itu, kemungkinan besar ada di kalangan penduduk Cina tempatan adalah dari keturunan Lim Chok ini. Walau pun menurut keterangan Tan Eng Chai, bahawa Lim Chok tidak mempunyai zuriat, dan tanah yang dimiliki keluarga mereka sekarang adalah terokaan kemudian hari oleh datuk mereka iaitu Tan Ah Moi, namun zaman antara kedua orang ini terlalu jauh berbeza. Lim Chok hidup dalam zaman Sultan Ahmad Tajuddin (1706-1710) manakala Tan Ah Moi adalah kelahiran penghujung abad ke-19. Bezanya kira-kira 170 tahun, iaitu kira-kira 7 lapis keturunan. Dengan jarak yang begitu panjang maka mungkin keluarga keturunannya itu, jika ada, sudah pun gagal mengesaninya, kerana pada zaman itu jarang sekali ada rekod yang dapat membantu. Dengan itu, kemungkinan bahawa keluarga Lim Chok pernah wujud di sini tidak dapat disangkal dengan begitu mudah.

### **Cukai Kawah dan Besi:**

Walau pun dalam At-Tarikh Salasilah hanya menyebut kilang ‘memasak besi’ di sini adalah untuk dihasilkan kawah dan kuali, ada kemungkinan juga ia berfungsi untuk menghasilkan alat-alat daripada besi yang lain seperti peluru, senjata dan paku.

Untuk membuka kilang besi di Kampung Nawa ini Lim Chok telah membuat permohonan rasmi dari pihak kerajaan Kedah. Berikutnya, **pihakkerajaan/Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I (1706-1710)** telah mengeluarkan suatu ‘geran’ rasmi bagi tujuan itu. Menurut A-Tarikh Salasilah, *Maka Duli baginda pun benar seperti permintaan*. Berkaitan itu, tentulah kebenaran yang diberikan tersebut disusuli dengan penentuan kutipan cukai yang patut pula. At-Tarikh Salasilah tidak menyatakan tentang keadaan cukai tersebut. Namun, adat sesuatu pekerjaan, tentu ada adat pencukaianya pula.

Kemungkinan besar di Kampung Nawa ini bukan hanya dibuka **kilang besi** sahaja, tetapi terdapat juga **lombong bijih besi**. Perkara ini dapat dinyatakan kerana di bekas tapak ini terdapat banyak peninggalan bijih besi, kesan-kesan tahi besi dan juga arang batu. Kalau-lah di sini tidak ada lombong bijih besi kemungkinan pengusaha seperti Lim Chok ini tidak akan datang jauh ke pedalaman hanya semata-mata untuk membuka kilang besi sahaja. Adalah sukar untuk membawa banyak besi dari luar ke pedalaman dan memerlukan perbelanjaan yang besar.

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I telah mangkat muda, hanya setelah menjalankan pemerintahan kira-kira 3 tahun lebih sedikit. Berikutnya baginda telah digantikan oleh kekanda tua baginda, iaitu **Sultan Muhammad Jiwa ZainalAdilin Syah II (1710-1761)**. Pada mulanya baginda ini bersemayam di KotaBukit Pinang. Namun, setelah tahun 1743 baginda telah mengubah pusat pemerintahannya ke Kota Setar. Sultan Muhammad Jiwa memang terkenal dengan kerja-kerja mengemasan pentadbiran kerajaan. Dipercayai pada masa bagindalah beberapa akta telah diperkemas, termasuk akta pencukaian hasil dalam negeri.

Antara hasil dalam negeri yang agak penting pada masa itu ialah hasil pengeluaran barangani besi. Perkara ini ada tercatat di dalam suatu nota mengenai **perolehan kerajaan** yang ditulis oleh **Dato' Bendahara Kota Indera Kayangan** pada tahun 1219 Hijrah (1804 Masihi). Kumpulan nota tersebut kinikita ketahui sebagai ‘**Peringatan Raja-Raja Kedah**’.

Nota tersebut telah ditulis atas titah yang dikeluarkan oleh **Sultan DhiauddinMukarram Syah II** yang memerintah di Kota Indera Kayangan (**1800-1804**). Baginda telah menitahkan **Dato' Bendahara** menulis beberapa catatan mengenai perolehan kerajaan, supaya dapat diketahuinya. Sebenarnya catatan yang telah ditulis oleh **Dato' Bendahara** ini adalah suatu Akaun Kerajaan Kedah. Walau pun begitu, nampak dengan jelas bahawa akaun ini ditulis berpandukan pada suatu Akta/Peraturan Kerajaan yang telah pun wujud sebelumnya. Tepatnya ialah dalam zaman pemerintahan **Sultan Abdullah Mukarram Syah(1761-1797)**. Perkara ini ada dijelaskan dalam nota yang ditulis oleh **Dato' Bendahara** itu berkaitan dengan barangani kawalan kerajaan dan proses pencukaianya.

Menurut catatan dalam Peringatan Raja-Raja Kedah: '**Pada zaman Sultan Abdullah Mukarram Syah** naik kerajaan di negeri Kedah, maka akan dagangan sembilan perkara itu, dagangan yang keluar dari dalam negeri lima perkara: Pertama gajah, keduanya timah, ketiganya lilin, **keempatnya besi**, kelimanya sendawa. Lima perkara inilah **dagangan larangan**, dengan barang yang jadi daripadanya, ....'.

Dalam catatan tersebut, barang-barang kawalan itu disebut sebagai '**daganganlarangan**'. Maksud 'dagangan larangan' itu ada dijelaskan pada pragraf lain yangbunyinya sebagai berikut:

'Adapun perniagaan di dalam negeri Kedah, diadatkan sembilan perkara dagangan menjadi **'larangan'**, artinya tiada boleh anak negeri membeli dan berjual pada dagang santeri, dan dagang santeri pun tiada boleh berjual beli dengan anak negeri, melaikan dengan Tuan Negeri atau Wakil Tuan Negeri'.

Dengan jelas termaktub dalam nota akaun ini ialah peraturan cukai mengenai perusahaan kawah. Di negeri Kedah, perniagaan **kawah dan barang besi** yang lain seperti peluru meriam dan paku adalah termasuk dalam **9 barangankawalan** kerajaan seperti dinyatakan di atas.

Dianggarkan kilang pembuatan kawah Lim Chok telah berfungsi selama lebih 100 tahun. Berkaitan itu, dipercayai peraturan yang telah tertulis mengenai hal ehwal barang besi mempunyai kaitan dengan perusahaan kawah yang diusahakan oleh Lim Chok di Kampung Nawa ini.

Lim Chok telah memulakan perusahaannya sejak zaman **Sultan Ahmad Tajuddin I (1706-1710)**. Setelah kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin secaramengejut, teraju pemerintahan telah berpindah kepada **Sultan Muhammad Jiwa II (1710-1761)**. Walau pun demikian, pada masa tersebut kemungkinanproses pencukaian kerajaan berkenaan perusahaan besi belum kemas.

Tiap-tiap suatu perkara bahan kawalan perdagangan itu diperincikan dengan jelas pula dalam catatan akaun tersebut. Di bawah ini diturunkan petikan catatan berkenaan perusahaan kawah dan besi, yang terdapat dalam Peringatan Raja-Raja Kedah. Bunyinya:

**'Seperkara pula, fasal Besi:**

Adalah keluar besi hasil Raja pada setahun empat puluh pikul lebih kurang. Dan **peluru besi** lebih kurang empat puluh pikul hasil Raja. Dan **kawah**, kecil besar,dulapan kodi hasilnya pada setahun lebih kurang, karena '**adat hasil itu diambil pada sekodi sebiji kawah**, ikut banyak besar keciknya. Dan peluru itu pada sekali **di l-m-b-r-s** diambil hasil besi sepikul dan peluru sepikul. Dua **tempat** didikerjakan besi itu. Maka di dalam **besi**, hasil ini diambil taruh belanja Raja sepuluh pikul. Dan peluru kecik besar diambil taruh belanja Raja sepuluh pikul. Lain daripada itu dijual. **Besi harganya sepikul tiga Riyal**, jadi sembilan puluh Riyal, dibeli oleh tukang besi dalam negeri setengah dan orang Aceh dan Jawa setengah.

Dan peluru tiga puluh pikul itu pun dijual. Kecik besar harganya sepikul tujuh Riyal, jadi dua ratus sepuluh Riyal.

Jumlah kedua fasal ini jadi tiga ratus Riyal.

Maka akan **kawah**, hasil kedulapan kodi itu jadi belanja Raja.

Maka akan besi yang lebih daripada hasil Raja tiada boleh berjual pada orang lain keluar negeri. Boleh berjual sedikit2 akan tukang besi dalam negeri. Lain itu dijual kepada Raja. **Harganya sepikul dua Riyal**. Banyak besi itu lebih kurang pada setahun empat ratus pikul, dijual Raja dengan harga sepikul tiga Riyal. Keluar faedah perolehan Raja empat ratus Riyal.

Dan **kawah** kecik besar yang lebih daripada hasil Raja itu ada kadar seratus lima puluh kodi, **dibeli** Raja **kawah besar harganya sekodi dulapan belas Riyal**, dan **kawah kecik sekodi dulapan Riyal**.

**Maka, jualan Raja, kawah besar sekodi tiga puluh Riyal. Dan kawah keciksekodi lima belas Riyal. Boleh faedah dalam kawah lebih kurang tiga ribu Riyal.**

*Dan peluru kecik besar, lebih daripada hasil Raja boleh keluar pada suatu tahun dulapan puluh pikul, dibeli Raja harganya pada sepikul empat Riyal kecik besar. Dijual Raja dengan harga sepikul tujuh Riyal, terkadang sepikul sembilan Riyal. Dibeli orang Aceh dan segala dagang, boleh faedah lebih kurang dua ratus lima puluh Riyal.*

*Dan paku kecik besar, ditempa tukang2 Cina pada setahun lebih kurang lima puluh pikul, dibeli Raja dengan harga sepikul sembilan Riyal. Dijualharganya sepikul dua belas Riyal, beroleh dalamnya seratus lima puluh Riyal. Jumlah (pendapatan Raja-pen.) dalam enam fasal kelabaan dalam besi2 ini jadi lebih kurang empat ribu Riyal.<sup>4</sup>*

Pada masa peraturan larangan/kawalan barang dagangan dibuat, iaitu dalam zaman Sultan Abdullah Mukarram Syah (1761-1797), sekurang-kurangnya telah pun terdapat **dua kilang besi** di Kedah. Perkara ini telah diceritakan dalam petikan di atas. Katanya, '**Dua tempatdi dikerjakan besi itu**'. Namun, dalam Peringatan Raja-Raja Kedah ini tidak dinyatakan di mana tempat-tempat tersebut. Besar kemungkinan satu daripada yang dimaksudkannya ialah yang diusahakan oleh Lim Chok ini.

#### **Proses pencukaian:**

Dalam catatan akaun tersebut juga dapat kita lihat tentang jenis-jenis keluaran sesuatu kilang besi, proses pencukaian dan juga harga barang tersebut. Jenis-jenis tersebut ialah:

1. Besi (mentah): Besi tersebut lazimnya dibeli oleh tukang-tukang untuk pembuatan berbagai barang. Separuh pengeluaran dibeli oleh tukang-tukang tempatan, manakala separuh lagi dibeli oleh orang-orang Aceh dan Jawa, untuk dibawa pulang ke negeri mereka. Harga besi pada masa itu ialah **3 Riyal (Ringgit Sepanyol) sepikul**.
2. Peluru meriam: Biasanya dibuat dalam dua ukuran, iaitu besar dan kecil. Peluru ini dibuat untuk kegunaan dalam negeri dan juga untuk dijual. Harganya dikira mengikut berat besinya, bukan bijinya. Biasanya, pada masa itu harganya ialah **7 Riyal (Ringgit Sepanyol) sepikul**.
3. Kawah besi: Biasanya ia juga dibuat dalam dua ukuran, iaitu besar dan kecil.
4. Paku: untuk berbagai kegunaan.

#### **Jumlah keluaran barang, Kadar Cukai dan pendapatan kerajaan Kedah daripada barang berdasarkan besi dalam zaman Sultan Abdullah Al-Mukarram Syah (1761-1797):**

Kadar 'hasil raja' (dalam konteks sekarang boleh disebut sebagai 'cukai kerajaan') bagi sesuatu barang keluaran besi adalah berlainan.

1. **Besi (mentah):** Dalam setahun, jumlah pengeluaran besi (mentah) dalam negeri Kedah ialah kira-kira 440 pikul. Dari jumlah ini, sebanyak **40 pikul** diambil oleh pihak raja/kerajaan sebagai cukai. Lebihan dari kutipan cukai itu ialah sebanyak 400 pikul. Jadi, kadar cukainya ialah kira-kira 9%. Dari jumlah kutipan cukai besi sebanyak 40 pikul itu, 10 pikul diperuntukkan bagi kegunaan Raja/Sultan. Manakala yang 30 pikul lagi itu dijual oleh pihak Raja/kerajaan dengan kadar harga \$ 3 / pikul (3 Riyal Sepanyol sepikul). Dengan itu pihak kerajaan boleh mendapat pendapatan melalui cukai besi sebanyak \$ 90 setahun.

Besi lebihan cukai sebanyak 400 pikul itu tidak boleh dijualkan oleh pengilang/pelombongnya kepada sesiapa, melainkan sedikit sahaja kepada masyarakat tempatan. Besi ini mestilah dijualkan

<sup>4</sup>Peringatan Raja-Raja Kedah, halaman 20.

kepada raja/kerajaan dengan kadar harga \$ 2 / pikul. Berikutnya pihak kerajaan akan menjualkan kepada kilang-kilang kecil barang besi dengan harga \$ 3 / pikul. Dengan itu pihak kerajaan beroleh keuntungan sebanyak \$ 1 / pikul. Maka, jumlah pendapatan tahunan kerajaan Kedah melalui penjualan besi mentah ini ialah sebanyak \$ 400 + \$ 90 setahun.

2. **Peluru besi:** Dalam setahun, jumlah pengeluaran peluru besi besar dan kecil dari negeri Kedah ialah kira-kira sebanyak 120 pikul. Dari jumlah ini sebanyak 40 pikul diambil sebagai cukai oleh pihak kerajaan. Maka, lebihan peluru dari cukai tersebut ialah sebanyak 80 pikul. Ini bermakna kadar cukainya agak tinggi, iaitu kira-kira 33 %.

Dari jumlah kutipan cukai peluru sebanyak 40 pikul itu, 10 pikul telah diperuntukkan bagi perbelanjaan Raja/Sultan. Manakala yang 30 pikul lagi itu dijual oleh pihak Raja/kerajaan dengan kadar harga \$ 7 / pikul. Dengan itu pihak kerajaan memperoleh pendapatan sebanyak \$ 210 setahun.

Peluru lebihan cukai sebanyak 80 pikul itu tidak boleh dijual oleh pengilangnya melainkan kepada raja/kerajaan. Kadar harga yang telah ditetapkan ialah \$ 4 /pikul. Berikutnya pihak kerajaan akan menjualkannya kepada yang memerlukan dengan kadar harga \$ 7 - \$ 9 /pikul. Dengan itu pihak kerajaan boleh mendapat keuntungan antara \$ 3 hingga \$ 5 sepikul. Dari penjualan ini pihak kerajaan Kedah telah memperoleh pendapatan tahunan sebanyak \$ 250 + \$ 210.

3. **Kawah:** Dalam setahun, jumlah pengeluaran kawah besi kecil dan besar ialah sebanyak 158 kodi. Tiap sekodi terdiri daripada 20 unit barang. Ini bermakna telah dihasilkan sebanyak 3160 biji kawah besar dan kecil setahun dalam negeri Kedah ini. Dari jumlah itu sebanyak 8 kodi telah diambil oleh kerajaan sebagai cukai. Ini bermakna cukainya agak rendah, iaitu kira-kira 5 % sahaja.

Dari jumlah kutipan cukai kawah sebanyak 8 kodi itu, semuanya telah diperuntukkan bagi kegunaan Raja/Sultan. Sudah tentulah Sultan tidak akan menyimpan semua kawah-kawah yang banyak itu! Baginda biasa menjualkannya dengan kadar \$ 15 sekodi bagi yang kecil dan \$ 30 sekodi bagi yang besar. Ini bermakna harga bagi sebiji kawah besar pada masa itu ialah kira-kira \$ 1.50, manakala bagi kawah kecil ialah 75 sen. Agak mahallah nilainya kerana pada masa itu harga bagi seekor lembu hanya kira-kira \$ 2-3 sahaja.

Kawah lebihan cukai ialah sebanyak 150 kodi setahun, besar dan kecil. Kawah ini juga tidak boleh dijualkan oleh pembuatnya sewenang-wenang. Kawah itu hendaklah dijualkan kepada kerajaan dengan kadar harga \$ 18 /kodi bagi yang besar dan \$ 8 /kodi bagi yang kecil. Setelah itu sesiapa yang memerlukannya boleh membeli dari pihak kerajaan dengan kadar harga \$ 30 /kodi bagi yang besar dan \$ 15 /kodi bagi yang kecil. Dengan itu pihak raja/kerajaan memperoleh keuntungan sebanyak \$ 13 / kodi bagi kawah besar dan \$ 7 /kodi bagi yang kecil. Jumlah kasar keuntungan kerajaan ialah \$ 20 /kodi. (Pada tahap ini Dato' Bendahara telah tersalah kira kerana tidak mengambil kira purata keuntungan kawah kecil dan besar). Dengan itu jumlah perolehan kerajaan Kedah bagi setahun ialah \$20 x 150 kodi, iaitu \$ 3000 / tahun.

4. **Paku:**

Paku berbagai ukuran biasa dibuat oleh pengilang-pengilang kecil. Dalam catatan yang ditulis oleh Dato' Bendahara Kota Kayang tidak disebutkan tentang cukai paku. Ia mungkin sudah terserap dalam cukai besi mentah yang telah dinyatakan sebelum ini. Jumlah keluaran dalam setahun ialah sebanyak 50 pikul.

Namun, paku yang dihasilkan oleh pengilang-pengilang kecil ini juga tidak boleh dijual sembarang. Sebagai barang kawalan, ia hendaklah dijualkan juga kepada pihak raja/kerajaan. Kadar harganya ialah \$ 9 / pikul. Setelah itu pihak raja/kerajaan akan menjualkannya dengan kadar harga \$ 12 /pikul. Dengan

itu pihak kerajaan memperoleh keuntungan sebanyak \$ 3 sepikul. Ini bererti pihak kerajaan memperoleh sebanyak \$150 setahun dari keuntungan paku itu.

**Jumlah perolehan:** Jumlah perolehan kerajaan Kedah daripada barang berdasarkan besi itu ialah \$ 4000 bagi setahun. Jika dibandingkan dengan jumlah pendapatan melalui penjualan gajah, jumlah ini agak kecil. Tersebut di dalam catatan oleh Dato Bendahara bahawa perolehan penjualan gajah boleh mencapai hingga \$ 23,000.00 setahun.

Jumlah keseluruhan pendapatan raja/kerajaan Kedah pada masa itu, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram syah (1761-1797), ialah kira-kira \$ 90,000.00 setahun. Kalau kita kira nilai seekor lembu pada masa itu hanyalah \$2-3, sedangkan sekarang nilainya kira-kira RM 2,500 seekor, maka nilai pendapatan kerajaan pada masa itu ialah kira-kira RM 112.5 juta setahun, atau RM 1.125 bilion. Perolehan kerajaan dari barang berdasarkan besi ialah kira-kira nilai RM 5 juta setahun. Untuk perbandingan kasar, perbelanjaan kasar kerajaan Kedah sekarang adalah sekitar RM 1.8 bilion setahun. Oleh itu pendapatan kerajaan pada masa Sultan Abdullah itu bolehlah dikatakan senilai dengan kira-kira pendapatan-perbelanjaan sekarang.

Jumlah pendapatan ini telah menurun dengan mendadak dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-1843). Ini adalah kerana zaman tersebut adalah zaman perang.

#### **PENUTUP:**


Antara perkara penting yang patut disebut ialah bahawa apa yang pernah dinyatakan oleh pengarang At-Tarikh Salasilah boleh dikatakan benar belaka. Perkara yang disebut mengenai 'kilang pemasak besi' didapati memang benar-benar wujud dan ini telah memperkuuh kewibawaan pengarang kitab tersebut.

Selain itu, kita dapat lihat bahawa perusahaan besi masih merupakan suatu aset yang penting bagi kerajaan Kedah dalam awal abad ke-18. Kedah telah memperoleh hasil/cukai yang lumayan daripada perusahaan besi dan penjualan peralatan yang dihasilkannya.

Wallahu a'lamu bissawab. Wa ilaihil marji'u wal-maab.



Gambar 3: Wong Kok Heng (tengah), pemilik tapak tinjauan.



Gambar 4: Kubur 'Tukang Panjang' atau Lim Chok.



Gambar 8: Ketulan-ketulan ‘tahi besi’.

